

# Berita Manmin

NO. 8 14 OGOS 2022

## Kepercayaan yang Sejati

Kepercayaan kepada Tuhan bukan sekadar “percaya kepada kemahakuasaan Tuhan”. Jika anda percaya hanya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, kepercayaan anda tidak akan goyah atau binasa apabila jawapan tidak datang seperti yang anda fikirkan.

Kepercayaan yang sejati adalah dengan percaya bahawa Tuhan bukan sahaja Maha Kuasa tetapi juga mengasihi anda dan memberikan anda yang terbaik.

Kepercayaan adalah apabila percaya kepada kasih Tuhan dan kehendak yang baik bagi anda dengan segenap hati, dan iman yang tidak berubah sehingga ke akhirnya tidak kira apa pun keadaan yang dibenarkan oleh Tuhan bagi anda.

“Percayalah kepada TUHAN, Allah kamu, maka kamu akan sanggup bertahan!”  
(2 Tawarikh 20:20)

Daripada Ruangan Kristian Dr. Jaerock Lee

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)  
“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Mesyuarat Agung Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus

## Seminar Guru Sekolah Minggu Kanak-kanak dan Pelajar dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan



'Seminar Guru Sekolah Minggu Kanak-kanak dan Pelajar 2022' dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Mesyuarat Agung Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus pada pukul 5:30 petang di ruang ibadat kediaman Pastor Kanan pada 12 Jun. Anggota-anggota Manmin dari gereja cawangan tempatan seperti Daejeon, Gumi,

Miryang, Cheonan, Jinjumun, dan Iksan juga menyertai seminar tersebut di lokasi dan juga secara atas talian.

Seminar itu dipengerusikan oleh Pastor Sooyeol Cho dari Bahagian Pendidikan, kemudian diikuti oleh khutbah daripada Pastor Mikyung Lee dan Pastor Keumran Hwang yang menguruskan pertumbuhan

dan kesetiaan rohani, dan kemudian Perjumpaan Doa Roh Kudus dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin. Guru-guru mempunyai masa yang bermakna untuk membarui fikiran mereka dan membuat keputusan sambil mengingat kelayakan untuk menjadi seorang guru Sekolah Minggu.

## Perjumpaan Doa Roh Kudus dianjurkan oleh Perhimpunan Wilayah Honam, Yeongnam dan Wilayah Tengah

Pada pukul 8:00 malam pada 15 Jun, Perjumpaan Doa Roh Kudus bersama Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin telah diadakan. Acara ini dianjurkan oleh Perhimpunan Wilayah Honam Gereja Kesucian Bersatu di Gereja Manmin Gwangju.

Perjumpaan doa tersebut dipengerusikan oleh Pastor Hyungryul Park, Presiden Persatuan Wilayah Honam. Selepas lagu pujian oleh Gwang-neung Yoon, Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin memimpin masa Firman Tuhan dan

doa.

Beliau berkhotbah bahawa kita harus berurusan dengan orang lain dengan kebaikan dan kasih, sama seperti Yesus berdoa bagi pengampunan dosa orang-orang yang menyalibkan-Nya. Selepas lagu pujian dan doa pertaubatan serta kepenuhan Roh Kudus, beliau berdoa untuk orang sakit secara peribadi dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Pelbagai kesakitan hilang dan penyakit disembuhkan untuk memuliakan Tuhan.

Puan Boknim Lee juga mengadakan perjumpaan dengan para pastor dan pemimpin Perhimpunan Wilayah Honam sebelum perjumpaan doa. Pada pukul 8:00 malam pada 22 Jun, Puan Boknim Lee memimpin Perjumpaan Doa Roh Kudus untuk anggota Perhimpunan Wilayah Yeongnam di Gereja Manmin Gumi. Pada pukul 8:00 malam pada 29 Jun, beliau memimpin Perjumpaan Doa Roh Kudus untuk anggota Perhimpunan Wilayah Tengah di Gereja Manmin Daejeon.





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Mengapakah Yesus ialah Satu-satunya Penyelamat Kita (1)

“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita”  
(Kisah Rasul-rasul 4:12)

Apabila tiba masa yang ditetapkan, Tuhan Anak datang ke bumi secara nyata sebagai Yesus dan memenuhi tugas Penyelamat dengan sepenuhnya.

Bersambung daripada edisi yang lalu, saya akan menerangkan sebab hanya Yesus Kristus yang layak untuk menjadi Penyelamat umat manusia berdasarkan hukum penebusan tanah (Imamat 25:23-25).

### 1. Yesus datang ke bumi secara nyata sebagai manusia

Imamat 25:25 ialah peruntukan bagi “hukum penebusan tanah” dan dibaca seperti berikut: “Jika seorang Israel jatuh miskin lalu terpaksa menjual tanahnya, sanak saudaranya yang terdekat wajib menebus tanah itu.” Seperti sanak saudara yang terdekat dapat datang dan membeli kembali tanah yang dijual oleh saudaranya, tugas untuk memulihkan keturunan Adam yang telah diserahkan kepada Iblis mesti dilaksanakan oleh “sanak saudara terdekat” Adam.

Siapakah “sanak saudara terdekat” Adam? Pernyataan ini merujuk kepada seorang manusia seperti Adam yang mempunyai roh, jiwa dan tubuh. Kita diingatkan dalam 1 Korintus 15:21-22, “Hal itu demikian kerana sebagaimana kematian datang ke dunia melalui satu orang, begitu juga kebangkitan daripada kematian diberikan melalui satu orang. Sebagaimana semua orang mati kerana tergolong satu dengan Adam, begitu juga semua orang akan dihidupkan semula kerana tergolong satu dengan Kristus.” Syarat pertama untuk menjadi Penyelamat yang menebus umat manusia daripada dosa mereka ialah dia mesti manusia.

Yesus ialah Anak Tuhan Maha Pencipta. Jadi, bagaimanakah Dia menjadi “sanak saudara terdekat” bagi manusia? Filipi 2:6-8 menyatakan, “Sebenarnya

Dia ilahi, tetapi Dia tidak menganggap keadaan-Nya yang ilahi harus dipertahankan-Nya. Sebaliknya, Dia rela melepaskan segala-galanya, lalu menjadi seperti seorang hamba. Dia datang sebagai manusia, dan hidup seperti manusia. Dia merendahkan diri dan hidup dengan taat kepada Allah sehingga mati – iaitu mati di atas salib.”

Yohanes 1:14 memberitahu kita tentang Yesus, “Firman itu sudah menjadi manusia dan tinggal antara kita” dan Yohanes 1:1 mengingatkan kita bahawa “Firman itu sama dengan Allah.” Frasa “Firman itu sudah menjadi manusia” memberitahu kita bahawa Tuhan memakai tubuh manusia dengan daging dan tulang, dan datang ke dunia ini.

Yesus dilahirkan dalam tubuh manusia untuk menebus manusia daripada dosa mereka. Oleh sebab Yesus ialah manusia, Dia berasa letih, lapar, dahaga, gembira dan sedih. Apabila digantung di atas salib, Yesus malah menumpahkan darah dan berasa sangat kesakitan.

Terdapat bukti yang tidak dapat dinafikan yang membuktikan bahawa Yesus telah datang ke dunia ini sebagai seorang manusia. Kita tahu tentang perkara ini daripada sejarah umat manusia yang terbahagi kepada masa sebelum kelahiran Yesus (“B.C.” untuk “Before Christ” atau “Sebelum Kristus”) dan masa sejak kelahiran Yesus (“A.D.” untuk “Anno Domini” yang dalam bahasa Latin bermaksud “Dalam Tahun Tuhan”).

Dengan kata lain, kaedah kita mengira dan menjejaki sejarah umat manusia membuktikan kebenaran bahawa Yesus memang datang ke dunia sebagai seorang manusia. Oleh itu, Yesus memenuhi syarat yang pertama “menjadi sanak saudara terdekat Adam” kerana Dia, yang merupakan Anak Tuhan, datang ke bumi ini sebagai manusia.

## 2. Yesus bukan keturunan Adam yang telah berdosa

Apabila Tuhan menciptakan manusia, Dia memberikan Adam dan Hawa benih kehidupan – sperma kepada lelaki dan ovum kepada wanita – dan membolehkan kehidupan baharu dikandung melalui mereka. Sperma dan ovum mengandungi maklumat mengenai pengaruh dan sifat keturunan, seperti sifat, keperibadian, ciri, penampilan luaran malah tabiat ibu bapa. Inilah sebabnya anak-anak menyerupai ibu bapa mereka dari segi penampilan, susuk tubuh, sifat, tabiat dan seumpamanya.

Selepas Adam berdosa, sifat dosa nenek moyang diturunkan kepada keturunan mereka dan dosa ini dinamakan “dosa asal.” Oleh itu, setiap orang menjadi orang yang berdosa pada saat dia dilahirkan akibat sifat dosa yang diwarisinya daripada Adam dan nenek moyangnya. Roma 5:12 menyatakan, “Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa.”

Sebagaimana kematian dijatuhkan ke atas semua manusia akibat dosa seorang manusia iaitu Adam, seluruh keturunannya sebagai kesudahannya merupakan orang yang berdosa. Jika seseorang berdosa, dia tidak dapat menebus orang lain daripada dosanya.

Sebagai contoh, andaikan abang anda mempunyai hutang yang banyak dan mendapati dirinya bakal ke penjara. Sekiranya anda juga mempunyai hutang yang banyak dan mendapati anda bakal ke penjara, anda tidak mempunyai keupayaan untuk membantu abang anda dan membayar hutangnya. Dengan cara yang sama, Penyelamat yang akan menebus manusia daripada dosa mereka mestilah seorang manusia dan tidak berdosa. Walau bagaimanapun, memandangkan semua keturunan Adam ialah orang berdosa yang dilahirkan dengan dosa asal, mereka tidak dapat menebus orang lain daripada dosa mereka.

Dengan kata lain, tiada seorang manusia pun yang dapat memenuhi syarat kedua bagi Penyelamat. Oleh itu, siapakah yang dapat memenuhi syarat kedua sebagai Penyelamat iaitu Dia mestilah seorang manusia tetapi tidak berdosa? Daripada semua manusia yang pernah lahir di Bumi, hanya Yesus, Anak Tuhan yang tunggal yang merupakan manusia tetapi bukanlah keturunan Adam atau “orang yang berdosa”.

Dari segi fizikal, Yesus ialah keturunan Daud dan ibu bapanya ialah Yusuf dan Maria. Namun begitu, Matius 1:20 mengingatkan kita bahawa Yesus dikandung “kerana kuasa Roh Kudus” dan Matius 1:23 memberikan kita nubuat tentang kelahiran Yesus,

“Seorang anak dara akan mengandung, lalu melahirkan seorang anak lelaki. Anak itu akan dinamakan Imanuel.”

Yesus tidak dikandung melalui penyatuan sperma Yusuf dan ovum Maria tetapi oleh kuasa Roh Kudus. Bukanlah tugas yang sukar bagi Tuhan Yang Maha Kuasa untuk membuatkan Maria mengandung Yesus dengan kuasa Roh Kudus. Yesus dikandung oleh Roh Kudus dan hanya “meminjam” tubuh Anak Dara Maria, oleh itu Yesus bukan keturunan Adam. Oleh sebab Yesus tidak mewarisi apa-apa pengaruh dan sifat keturunan, Yesus tidak dilahirkan dengan dosa asal.

Haruslah diingat bahawa walaupun Anak Dara Maria mengandung dan melahirkan Yesus, dia tidak dapat menjadi “ibu” Yesus. Dengan kemajuan sains dan teknologi, jika ovum yang disenyawakan dipelihara di dalam mesin dan seorang anak dilahirkan selepas 9 bulan, anak itu tidak memanggil mesin itu sebagai ibunya.

Hubungan antara Yesus dan Anak Dara Maria juga dapat dilihat dengan cara ini. Atas sebab itu, Yesus tidak pernah memanggil Maria sebagai “Ibu” dalam Alkitab tetapi menggunakan perkataan, “Puan” (Yohanes 2:4; Yohanes 19:26). Ungkapan “ibu Yesus” hanya digunakan oleh pengikut Yesus untuk merujuk kepada Maria, dan Maria tidak boleh menjadi objek penyembahan kita. Sentiasalah ingat bahawa kita harus menyembah dan berdoa hanya kepada Tuhan Trinitas.

Saya akan meneruskan ajaran ini dalam edisi Berita Manmin yang seterusnya.

Saudara dan saudari dalam Kristus, oleh sebab anda semakin memahami dan mengakui hakikat bahawa tiada orang lain di bumi kecuali Yesus Kristus yang layak untuk menjadi Penyelamat umat manusia, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar setiap daripada anda akan segera mempunyai keyakinan tentang keselamatan melalui iman dan menikmati semua autoriti dan berkat yang diberikan kepada anda sebagai anak Tuhan.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)

## Cara Melepasi Ujian dengan Iman Sejati

**“Ujian merupakan berkat dan kasih Tuhan.”**

*Kita harus dengan yakin percaya akan kasih Tuhan sehingga akhirnya.*

1 Petrus 1:7 menyatakan, “Oleh itu, iman kamu yang lebih berharga daripada emas pun harus diuji, supaya menjadi teguh. Dengan demikian, apabila Yesus Kristus datang kembali, kamu akan menerima pujian, kemuliaan, dan penghormatan daripada Allah.” Mengapakah Tuhan Yang Maha Kasih menguji kita, orang Kristian? Hal ini demikian kerana Dia bersungguh-sungguh mahu kita menerima pujian, kemuliaan dan penghormatan di Syurga selamanya pada masa akan datang dengan memiliki iman seperti emas semasa menjalani kehidupan iman kita di bumi ini.

Untuk memiliki iman seperti emas, kita harus menentang semua dosa sehingga menumpahkan darah dan menyingkirkan semua bentuk kejahatan. Untuk setiap hari menghadapi maut seperti yang dilakukan oleh Rasul Paulus, kita mempunyai banyak perkara untuk ditanggung dalam Tuhan Yesus, dan kadangkala kita menderita tanpa sebab.


Dalam keadaan sedemikian, kita dapat menang hanya apabila kita menyedari kasih besar Tuhan Trinitas yang ingin memimpin kita ke Syurga yang lebih baik, sentiasa bersukacita, mengucapkan syukur dalam segala hal, dan berdoa tanpa henti. Kita juga mesti dengan teguh percaya kepada kasih Tuhan sehingga akhirnya.

Jika anda berasa ragu dengan berfikir, ‘Mengapakah Tuhan tidak dapat menolong saya? Adakah Dia benar-benar mengasihi saya?’, anda mungkin berasa marah dan merungut. Oleh itu, kita haruslah menyemat kasih salib dengan mendalam dalam hati kita dan bersabar.

Yakobus 1:4 menyatakan, “Pastikan supaya ketabahan kamu untuk menanggung penderitaan itu berterusan, sehingga kamu menjadi benar-benar sempurna dan tidak kekurangan sesuatu pun.” Hanya apabila kita menyedari kasih besar Tuhan Trinitas yang campur tangan dengan teliti, kita dapat bertahan sepenuhnya dan menghasilkan buah yang berharga dengan iman.


### Contoh buku Dr. Jaerock Lee

URIM BOOKS




#### Pesanan Salib

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.



#### Syurga (I)

Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



#### Neraka

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.



#### Tuhan Penyembuh

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.

## Cara Melepasi Ujian dengan Iman Sejati

“Ujian merupakan berkat dan kasih Tuhan.”

Seperti yang dinyatakan dalam Roma 5:3-4, “Kita juga membanggakan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan menghasilkan ketekunan. Ketekunan menyebabkan kita diperkenankan oleh Allah. Oleh itu kita mempunyai harapan;” ujian adalah seperti jalan pintas untuk segera memenuhi hasrat kita.

Semasa dalam penderitaan, kita mungkin berasa tergoda untuk berputus asa tetapi jika kita bertekun dalam Tuhan Yesus dan menerima ujian, kita akan dengan cepat berubah dalam pengharapan, dan kita dapat menjadi anak yang sempurna yang menyerupai Tuhan.

Oleh itu, kita harus bersukacita di tengah-tengah penderitaan dan cuba untuk mengharunginya dengan iman, pengharapan dan kasih dengan mengikuti teladan nenek moyang iman yang mati syahid dengan sukacita tanpa

melarikan diri dalam apa-apa keadaan.

Manusia mahu melalui cara yang lebih selesa dan lebih mudah tetapi Tuhan Trinitas menguji anak-anak-Nya yang terkasih dan mengendalikan segala hal sehingga menghasilkan yang baik.

Jika ada orang di sekeliling kita yang mengusik tentang segala-galanya, kita mungkin tidak mahu bertemu dengan mereka. Namun begitu, jika kita tidak berpaling daripada orang itu, bertahan dalam pengharapan walaupun berasa tidak selesa bertemu dengan mereka, dan cuba untuk memahami dan mengampuni orang itu, sesiapa daripada kita dapat berubah dengan cepat.

Menyedari bahawa ujian ialah jalan pintas untuk memenuhi harapan, kita haruslah berani untuk menanggung segalanya dengan sukacita dan mara ke hadapan dengan iman dalam pengharapan.

*Kita harus percaya bahawa ujian ialah jalan pintas untuk menjadikan impian kita menjadi kenyataan.*

Tuhan Maha Hidup dan Dia membalas kita sesuai dengan perbuatan kita, dan kita menuai apa yang kita tanam. Namun begitu, sesetengah orang mungkin tertanya-tanya dan berkata, “Saya telah bertindak menurut Firman, tetapi mengapakah keadaan tidak berubah dan Tuhan tidak berkarya?”

Mereka berfikir bahawa mereka setia dan berdoa dengan bersungguh-sungguh tetapi pada pandangan Tuhan, mereka masih mempunyai dosa dan kejahatan dalam hati mereka. Itulah sebabnya keadaan masih belum berubah.

Pada hakikatnya, ujian dan penderitaan nampaknya datang daripada manusia atau keadaan tertentu, tetapi dari sudut pandangan rohani, semua ini dibawa oleh Iblis. Oleh itu, untuk memenangi peperangan rohani, kita harus berjuang mengikut peraturan rohani. Kita tidak harus berjuang menentang manusia tetapi kita harus hanya mengalahkan kejahatan dengan kebaikan (Roma 12:21).

Apabila kita berbuat baik, seolah-

olah kita kalah dengan serta-merta dan kehilangan wang, tetapi kebaikan sentiasa menang kerana Tuhan Yang Maha Adil mengawal hidup dan mati manusia berdasarkan peraturan rohani. Tidak kira apa-apa pun ujian, penderitaan atau penganiayaan yang datang, kita dapat mengatasinya jika kita berbuat baik.

Apabila anggota keluarga yang bukan Kristian menganiaya anda, jika anda cuba untuk memujuk atau mengatasinya dengan berfikir, ‘Mengapakah dia begitu jahat?’, godaan itu akan menjadi lebih besar atau lebih lama. Sebaliknya, anda perlu berusaha untuk menarik perhatiannya dengan berdoa dengan kasih dan melayaninya dengan kasih Tuhan Yesus.

Dengan cara ini, apabila anda berfikiran baik dan berbuat baik dalam apa-apa keadaan, Tuhan dapat mengalahkan Iblis dan memberikan anda jawapan pada masa yang terbaik dengan mengawal hati anggota keluarga tersebut.

*Kita harus memikirkan hanya yang baik dan melakukan yang baik sahaja.*

## “Roh jahat yang menyiksa saya selama 15 tahun telah pergi!”

Selama 15 tahun yang lalu, saya telah banyak menderita akibat roh jahat. Apabila roh jahat bekerja, tubuh saya menjadi kaku dan saya berasa seperti seseorang menekan leher dan dada saya dengan kuat, dan saya berasa tercekik.

Ada kalanya, saya berasa ingin membunuh diri malah mahu membunuh anak-anak saya. Saya tidak mahu bercakap dengan sesiapa, dan saya sentiasa mengamuk terhadap orang di sekeliling saya.

Ada ketikanya saya pergi berjumpa sami Hindu untuk menyelesaikan masalah ini. Namun begitu, dia berkata bahawa saya harus mengorbankan dua ekor kambing agar saya dibebaskan daripada roh jahat. Saya tidak mempunyai wang untuk mendapatkan dua ekor kambing, jadi saya terpaksa balik.

Saya juga mengalami sakit telinga sejak kecil lagi. Dua tahun yang lalu, kesakitan itu semakin teruk lalu saya pergi berjumpa doktor untuk pemeriksaan. Doktor mengesyorkan pembedahan tetapi saya tidak dapat

menjalani pembedahan akibat situasi covid-19.

Kemudian pada suatu hari, ketika saya dalam kesakitan, Tuhan menghulurkan tangan-Nya kepada saya terlebih dahulu. Pada bulan April 2020, saya telah diinjili oleh Rani dari Gereja Manmin Delhi, India yang tinggal di kawasan kejiranan saya. Saya mendapat tahu tentang saluran YouTube Hindi, “GCNTV HINDI” dan mendapat tahu tentang pelayanan Manmin yang penuh kuasa. Saya mula bersedia untuk disembuhkan dengan iman dalam perjumpaan kesembuhan ilahi pada bulan Mei melalui ibadat dan doa.

Akhirnya, saya menghadiri perjumpaan kesembuhan ilahi melalui GCNTV HINDI di rumah Rani. Saya berasa gemuruh pada mulanya. Apabila Dr. Soojin Lee berdoa untuk orang sakit, saya muntah sebanyak dua kali dan kemudian sesuatu keluar dari tubuh saya lalu saya merasakan ketenangan dalam fikiran saya. Selepas itu, saya



**Dhanti**  
(Usia 33, Gereja Manmin Delhi, India)

merasakan satu cahaya yang terang memasuki tubuh saya, dan fikiran saya tenang serta sakit pada kedua-dua telinga saya hilang. Haleluyah!

Sekarang saya tidak lagi mempunyai kebimbangan dalam hati saya dan saya berasa gembira. Tubuh dan fikiran saya terasa ringan dan gembira seolah-olah saya sedang terbang. Saya memberi segala syukur dan kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Hidup yang telah menyembuhkan saya.

## “Saya disembuhkan daripada lebam pada keseluruhan tubuh saya!”

Saya bekerja menjaga kanak-kanak. Namun begitu, pada 12 Mei 2022, seorang kanak-kanak yang dijaga oleh saya terjatuh ke belakang semasa sedang menaiki tangga. Saya cuba untuk menahan kanak-kanak itu untuk seketika tetapi kemudian saya jatuh terus ke bawah tangga. Kepala saya terhantuk pada tangga dan saya terjatuh dengan punggung terhentak.

Saya bangun dan berjalan kira-kira 50 meter tetapi kepala saya kebingungan dan sakit pada dada kanan saya sangat teruk sehinggakan sukar untuk saya berjalan lagi. Saya kemudiannya mendapati bahawa ada benjolan besar pada kepala saya manakala kesakitan pada dada dan punggung saya tidak

tertanggungkan, jadi saya menelefon pastor paroki saya untuk menerima doa daripada beliau.

Selepas itu, benjolan pada kepala dan sakit pada punggung saya berkurangan tetapi dada kanan saya terasa sangat sakit seolah-olah ada retakan pada tulang rusuk saya.

Melalui hal ini, saya berasa bahawa saya perlu memulihkan aspek rohani saya yang ada kekurangan lalu mula berdoa dengan bersungguh-sungguh. Pada setiap hari, saya menerima rakaman doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit.

Pada 20 Mei, seminggu selepas kemalangan itu, saya memohon untuk didaftarkan sebagai pesakit sebelum perjumpaan kesembuhan ilahi. Pada hari berikutnya, saya



**Diaken Kanan Myungsook Lee**  
(Usia 70, Paroki ke-12)

terasa seolah-olah ada selaput menutupi tubuh saya. Tubuh saya terasa selesa dan kesakitan itu hilang.

Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang memberikan saya jawapan.

## “Saya disembuhkan daripada bahu keras pada lengan kiri saya.”

Bermula Julai 2021, sakit pada lengan kiri saya sangat teruk sehingga saya tidak dapat tidur. Saya tidak dapat menggerakkan lengan kiri saya dengan bebas, jadi saya perlu berhati-hati apabila memakai pakaian atau melakukan sesuatu. Saya menghadapi banyak masalah dalam melakukan kerja rumah. Kadangkala saya terjatuhkan mangkuk dan menyebabkannya pecah kerana lengan kiri saya lemah ketika membasuh pinggan mangkuk.

Apabila saya pergi berjumpa doktor, saya diberitahu, “Kamu mengalami bahu keras malah pembedahan laser tidak dapat menyembuhkannya dengan sepenuhnya. Oleh itu, kamu perlu bersenam selama 3 bulan dan datang lagi.” Kemudian, dia memberitahu saya untuk bersenam sambil menonton video yang dikirimnya selepas mengambil ubat penahan sakit kerana sukar untuk saya bersenam akibat kesakitan itu.

Namun begitu, sukar untuk bersenam sendirian kerana

lengan kiri saya masih kaku dan tidak dapat bergerak dengan baik serta sakit. Selepas menerima doa dalam perjumpaan kesembuhan ilahi pada bulan September, saya mendapati bahawa kesakitan itu hilang sepenuhnya.

Selepas itu, saya menerima doa setiap kali perjumpaan kesembuhan ilahi diadakan kerana masih sukar untuk saya menggerakkan lengan kiri saya dengan bebas. Namun begitu, saya tidak menerima kesembuhan sepenuhnya.

Kemudian, pada 27 Mei 2022, saya menghadiri perjumpaan kesembuhan ilahi melalui GCN. Khutbah Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, yang bertajuk, “Sejahtera dalam Segala Perkara” saya rasakan seolah-olah beliau sedang berbicara kepada saya. Pada masa yang sama, rasa panas menyelubungi tubuh saya lalu saya teringat perkara yang tidak saya taubat walaupun saya menyedarinya. Saya bertaubat atas perkara-perkara itu. Ketika saya bernyanyi lagu pujian untuk



Diaken Songhee Shin  
(Usia 54, Paroki ke-8)

pertaubatan dan kepenuhan Roh Kudus, saya berasa panas sekali lagi sehingga muka saya terasa terbakar.

Selepas itu, saya terkejut apabila saya dapat menggerakkan lengan kiri saya dengan bebas. Hal ini sangat menakjubkan dan saya berasa bersyukur. Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih yang telah menyembuhkan saya.



Mesyuarat Agung Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus

## Mesyuarat Agung ke-32 dan Majlis Pentahbisan Pastor

Mesyuarat Agung ke-32 dan Majlis Pentahbisan Pastor Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus telah diadakan pada 27 Jun di Gereja Manmin Gwangju.

Mesyuarat agung diadakan pada pukul 11:00 pagi dengan dipengerusikan oleh Pastor Daehee Cho. Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, menyampaikan khutbah yang berjudul, ‘Hamba Tuhan yang Sejati’ (2 Timotius 4:7-8).

Selepas ibadat yang merupakan bahagian pertama, bahagian kedua Mesyuarat Agung diteruskan dengan bacaan kenyataan pembukaan Mesyuarat Agung bagi pihak Bishop Dr. Jaerock Lee, pengesahan perintah, pemilihan pegawai, penerimaan cadangan dan petisyen,

serta penyelesaian agenda lain.

Majlis pentahbisan pastor berlangsung pada pukul 3:00 petang dengan dipengerusikan oleh Pastor Hakyong Lim, timbalan setiausaha. Selepas doa perwakilan oleh Diaken Kanan Johnny Kim selaku Naib Pengerusi, Dr. Soojin Lee iaitu Naib Bishop menyampaikan khutbah yang bertajuk, “Kuasa” (Markus 16:15-18) dan seterusnya merasmikan majlis pentahbisan.

Calon-calon untuk Pentahbisan Pastor pada hari itu ialah Pastor Keumran Hwang dari Gereja Pusat Manmin dan Missionari Aleksandr Tabaranu dari Gereja Manmin Moldova.